

Pilihan Raya Negeri Untuk Selesai Kemelut Politik Terengganu - Cadang Kit Siang Bernama

May 13, 2014

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Pembangkang mencadangkan pilihan raya baru negeri diadakan bagi menyelesaikan kemelut politik di Terengganu sekarang.

Pemimpin DAP Lim Kit Siang berkata langkah itu berikutan ketiadaan mana-mana parti politik mempunyai majoriti mantap dalam dewan undangan negeri.

Ketua Penerangan PAS, Datuk Mahfuz Omar yang berkongsi pandangan itu dilapor sebuah portal berita hari ini, bahawa beliau mahu rakyat Terengganu diberikan mandat penuh memilih kerajaan negeri yang baru.

"Bubar DUN adalah satu opsi, tetapi buat masa ini kita lihat suasana dahulu," kata Ketua Pilihan Raya PAS Dr Hatta Ramli kepada Bernama ketika dihubungi.

Seorang lagi pemimpin parti itu, Naib Presiden PAS, Salahuddin Ayub berkata PAS mengambil sikap memerhati terlebih dahulu perkembangan yang berlaku dari semua aspek, termasuk dari aspek moral dan integriti.

Pada awal hari ini, bekas Menteri Besar Terengganu yang juga ADUN Kijal Datuk Seri Ahmad Said, ADUN Ajil Ghazali Taib diikuti ADUN Bukit Besi Roslee Daud mengisytiharkan keluar daripada Umno dan menjadi wakil rakyat Bebas.

Keputusan itu meletakkan BN kini mempunyai 14 kerusi DUN diikuti PAS (14), PKR (satu), dan Bebas (tiga).

Penasihat Undang-undang Negeri Datuk Azhar Abdul Hamid, bagaimanapun menarik perhatian bahawa speaker DUN juga dikira sebagai wakil kepada kerajaan negeri yang memerintah, justeru ini menjadikan kedudukan kerusi 15:15:3.

Dengan kedudukan ini, Azhar berkata BN kekal memerintah Terengganu memandangkan BN merupakan kerajaan memerintah Terengganu selepas Pilihan Raya Umum ke-13.

Bagaimanapun bagi mengelak sebarang kekeliruan, Ketua Dewan Muslimat PAS, Siti Zailah Yusof mahu krisis berkenaan diselesaikan segera supaya tiada sebarang masalah timbul kepada rakyat akibat ketidakseimbangan politik.

"Jika boleh kita mahu penyelesaian mudah, kita bagi ruang kepada mereka untuk selesaikan masalah dalaman dan kita harap yang terbaik bagi rakyat," katanya.

Timbalan Presiden PAS, Mohd Sabu berkata pimpinan PAS pusat belum membuat sebarang keputusan, namun sedang meneliti secara dekat perkembangan terkini.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037969>